CH BUILDERS

lwn.

IMPRESSIONS WALLCOVERINGS & CARPETS (PG) SDN BHD

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, PULAU PINANG
ZALEHA ZAHARI H
[RAYUAN SIVIL NO: 12-102-97]
6 NOVEMBER 1998

PROSEDUR SIVIL: *Penghakiman dan perintah - Kos - Kegagalan memberi kos ketika penghakiman - Samada mahkamah boleh membuat perintah lanjut dan memberi kos - Samada sudah functus officio - Prinsip "costs follow the event" - Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1980, A. 48*

Ini adalah rayuan terhadap keputusan Hakim Mahkamah Sesyen ('HMS') yang memerintahkan perayu membayar kos sebanyak RM3,833 kepada responden. Fakta menunjukkan bahawa pada 15 November 1996, HMS telah memberi penghakiman yang memihak kepada responden untuk jumlah RM29,990 beserta faedah pada kadar 8%. HMS bagaimanapun 'terlupa' untuk membuat perintah mengenai kos. Berikutnya, pada 21 Mei 1997, responden memfail permohonan untuk mendapat kos sebanyak RM 3,833, yang dikira menurut A. 48 Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1980. Perayu membantah, dan berhujah bahawa perintah lanjut berhubung kos tidak boleh dibuat kerana HMS sudah pun *functus officio*. HMS berpendapat beliau masih belum *functus officio*, atas alasan, antara lain, bahawa perintah bertarikh 15 November 1996 tersebut belum disempurnakan, dan kedua kerana penyelesaian isu kos berkenaan dibenarkan oleh A. 48 k. 4(1) KMR. HMS dengan itu membenarkan kos seperti dipohon dan perayu merayu.

Diputuskan:

[1] Ketiadaan apa-apa perintah berhubung kos setelah kes tamat dibicarakan adalah satu 'oversight'. Dalam halkeadaan kes tiada sebarang sebab mengapa mahkamah tidak harus mengikut prinsip 'costs follow the event'.

[2] Oleh kerana perintah di sini belum disempurnakan HMS masih berkuasa untuk membetulkan kegagalannya untuk membuat perintah berhubung berdasarkan permohonan yang dibuat oleh plaintif di bawah A. 48 KMR. Walau apa pun, jikapun HMS dianggap telah *functus officio,* Mahkamah Tinggi mempunyai kuasa untuk mengkaji keputusan HMS yang tidak membuat perintah tentang kos demi keadilan.

[2a] Tiada sebarang alasan dikemukakan kenapa kos tidak harus diberi kepada responden selaras dengan jumlah yang ditetapkan oleh KMR. Rayuan perayu dengan itu harus ditolak.

[Rayuan ditolak.]

Perundangan yang dirujuk:
Rules of the High Court 1980, O. 48 rr. 3(2), 4(1)

Bagi pihak perayu - Yeang Kok Kheang; T/n Yeang & Co
Bagi pihak responden - Patrick See; T/n John Heah & Co

Dilaporkan oleh WA Sharif

PENGHAKIMAN

Zaleha Zahari H:

Melalui rayuan ini CH Builders ("defendan/perayu") tidak puas hati dengan perintah hakim Mahkamah Sesyen ("H.M.S.") bertarikh 21 Julai 1997 yang memerintahkan perayu membayar kos sebanyak RM3,833 kepada Impressions Wallcoverings & Carpets (PG) Sdn. Bhd. ("plaintif/responden").

Latarbelakang kes adalah seperti berikut. Guaman Sivil Georgetown Pulau Pinang No. 52-737-95 telah dibicarakan pada 19 Ogos 1996, 9 September 1996, 10 Oktober 1996 dan 4 November 1996. Setelah tamat perbicaraan penuh, pada 15 November 1996, H.M.S. telah memberi penghakiman memihak kepada responden untuk jumlah RM28,990 berserta faedah pada kadar 8 peratus. H.M.S. dalam alasan penghakimannya menyatakan "tanpa disengajakan saya tidak memberikan perintah mengenai kos dan peguam plaintif juga tidak bertanya mengenai kos tersebut semasa penghakiman diberikan."

Oleh kerana tidak ada apa-apa perintah berhubung dengan kos pada 15 November 1996, responden telah, pada 12 Mei 1997, memfailkan satu permohonan untuk mendapatkan kos sebanyak RM3,833 berdasarkan kepada penghakiman berjumlah RM28,990 yang telah diberi oleh mahkamah kepada responden selaras dengan prinsip "costs follow the event". Jumlah yang dituntut oleh responden sebanyak RM3,833 telah dikira menurut A. 48 Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980.

Perayu membantah kepada permohonan kos yang dituntut itu. Peguam perayu menghujah dengan memberi penghakiman pada 15 November 1996 yang tidak menyentuh isu kos, H.M.S. adalah *functus officio*. H.M.S. tidak berkuasa untuk membuat apa-apa perintah lanjut.

Isu yang perlu diputuskan ialah adakah H.M.S. *functus officio* setelah ia membuat keputusan pada 15 November 1996? Berkuasakah dia membuat perintah mengenai kos kemudiannya kerana dengan tidak sengaja telah terlupa membuat perintah berhubung dengan kos?

Daripada alasan penghakimannya H.M.S. mengambil pendirian bahawa dia tidak *functus officio* kerana:

1) perintah bertarikh 15 November 1996 belum dicabut dan disempurnakan;

2) Mahkamah ini hanya tersilap dengan tidak memberi apa-apa perintah mengenai kos. Mahkamah bukannya tidak membuat perintah untuk tidak memberi kos kepada plaintif;

3) Menurut A. 48 k. 4(1) Kaedah Mahkamah Rendah 1980 Mahkamah boleh menyelesaikan isu kos pada mana-mana peringkat prosiding sekalipun prosiding telah diselesaikan. Lagi pun perintah mengenai kos adalah perintah yang berbangkit (consequential order).

Aturan 48 k. 3(2) dan 4(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 yang dirujuk oleh H.M.S. adalah seperti berikut:

(a) **Aturan 48 k. 3(2)**

If the Court in the exercise of its discretion sees fit to make an order as to the costs of or incidental to any proceedings the Court shall, subject to this Order, order the costs to follow the event, except when it appears to the Court that in the circumstances of the case some other order should be made, as to the whole or any part of the costs.

(b) **Aturan 4(1)**

Costs may be dealt with by the Court at any stage of the proceedings or after the conclusion of the proceedings; and any order of the Court for the payment of any costs may, if the Court thinks fit, and the person against whom the order is made is not a legally aided person require the costs to be paid forthwith notwithstanding that the proceedings have not been concluded.

Ketiadaan apa-apa perintah berhubung dengan kos setelah kes tamat dibicarakan jelas merupakan satu ‘oversight’. Tiada sebarang sebab dalam kes bagi mahkamah untuk tidak menurut perinsip “kos menurut keadaan” (costs follow the event). Saya bersetuju bahawa oleh kerana perintah belum disempurnakan H.M.S. masih berkuasa untuk membetulkan kegagalannya untuk membuat perintah berhubung dengan kos apabila perhatiannya dirujuk kepada omission tersebut melalui permohonan yang dibuat oleh plaintif berdasarkan kuasa di bawah A. 48 k. 4(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980.

Selain dari itu, sekiranya pun H.M.S. dianggap sebagai *functus officio*, saya berpendapat, Mahkamah Tinggi mempunyai kuasa untuk mengkaji keputusan yang dibuat oleh H.M.S. pada 15 November 1996 kerana tidak membuat apa-apa perintah berhubung dengan kos dan membuat perintah yang difikir wajar demi untuk kepentingan keadilan. Kos dalam sesuatu kes sememang adalah menurut budibicara mahkamah. Tiada sebarang alasan dikemukakan baik di peringkat rendah mahupun diperingkat rayuan kenapa mahkamah tidak harus memberi kos kepada pihak yang menang ataupun berhubung dengan quantum yang dituntut selaras dengan jumlah yang ditetapkan oleh Kaedah-Kaedah Mahkahmah Rendah.

Dalam keseluruhan keadaan ini saya telah memutuskan untuk menolak rayuan ini, dan dalam melaksanakan budibicara saya, memerintahkan bahawa tiada perintah dibuat terhadap kos diperingkat rayuan ini.